

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT LANCAR PUSAT PANDU LALU KITAREcycle PERTAMA DI NEGERI MELAKA

MELAKA, 30 MEI 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) mensasarkan peningkatan amalan kitar semula di negeri Melaka menerusi pelancaran Hab Pusat Pandu Lalu (Drive-Thru) KITAREcycle yang pertama di negeri Melaka yang terletak di tapak parkir Taman Botanical Melaka, Ayer Keroh bagi memudahkan orang ramai menjalankan aktiviti kitar semula di bawah program KITAREcycle.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, Pusat Pandu Lalu KITAREcycle yang dilancarkan hari ini diharap akan lebih memudahkan penduduk di negeri Melaka khususnya di sekitar Bandaraya Melaka untuk menghantar barangan kitar semula ke pusat ini, seterusnya dapat mengumpul mata ganjaran yang boleh ditebus dengan wang di bawah program KITAREcycle.

“Sejak program ini dilancarkan pada tahun 2018, sebanyak **1.5 juta kg** bahan kitar semula berjaya dikumpulkan manakala di negeri Melaka pula hampir **140 ribu kg** bahan kitar semula berjaya diselamatkan dari dibawa ke tapak pelupusan. Saya yakin bahawa jumlah kutipan kitar semula di Melaka akan terus meningkat sekiranya semua pihak berganding bahu bersama-sama menjayakan program KITAREcycle ini.” tambah beliau.

Selain itu, Pusat Pandu Lalu KITAREcycle melalui kerjasama strategik bersama Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dibangunkan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan barangan kitar semula yang lebih bersistematik dan terancang dan juga untuk menyokong dan membantu hasrat kerajaan negeri Melaka ke arah mencapai status Negeri Lestari.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Hab Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Melaka yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Rais Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, di Taman Botanical Melaka, Ayer Keroh di sini.

Hab Pusat Pandu Lalu adalah salah satu daripada tiga komponen utama di bawah program KITAREcycle SWM Environment di samping Pusat Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) dan Kenderaan Bergerak KITAREcycle yang akan dilaksanakan secara berperingkat di negeri Melaka.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com